

FAHAMAN.

Baca dan fahami ayat:-

Ibu Afina menyediakan makanan yang berkhasiat. Makanan berkhasiat baik untuk Kesihatan.

Afina suka makan emping jagung. Dia juga suka minum susu.



Ayah dan adik Afina suka makan buah-buahan segar. Buah-buahan bagus untuk Kesihatan kerana kaya dengan vitamin.

Kakak Afina suka makan roti bakar. Dia suka makan roti bakar dengan keju. Dia makan tiga keping roti setiap pagi.

Jawab soalan – soalan berikut:-

1. Apakah makanan yang disediakan oleh ibu Afina?

2. Siapakah yang suka makan emping jagung?

3. Berapa keping roti kah yang dimakan oleh kakak Afina setiap pagi?

4. Mengapakah buah – buahan bagus untuk Kesihatan?

5. Apakah makanan yang kamu makan semasa sarapan? (Jawapan sendiri)
